

09/08/1999

Dr Mahathir diminta teruskan perjuangan

Anak Melayu Yang Tidak Lupa

KEPADA semua pembaca yang budiman terutama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, teruskan perjuangan yang belum tamat untuk bangsa Melayu.

Usah pedulikan parti pembangkang yang seperti lalang ditiup angin yang melalak apabila pilihan raya semakin hampir. Mereka hanya tahu mengutuk dan menabur janji kosong. Mereka sakit hati kepada pejuang bangsa terutama Dr Mahathir.

Begitu juga kepada Datuk Seri Rafidah Aziz, yang dikatakan tidak cantik.

Sedarkah bahawa orang Melayu dulu begitu susah dan sekarang sudah ramai yang menjadi usahawan bergelar jutawan.

Sekarang hendak dilupa jasa Perdana Menteri yang membangunkan negara sehingga setaraf dengan negara barat.

Bodoh sangatkan orang Melayu sekarang sehingga mudah terpengaruh dengan dakyah pembangkang yang berdiri di belakang mereka pemimpin negara asing yang sentiasa cemburu dengan kejayaan bangsa dan negara yang tercinta.

Sedarlah wahai bangsaku, siapakah yang mengusahakan kesenangan yang kita nikmati sekarang.

Tidak lain dan tidak bukan adalah hasil kerja keras Perdana Menteri yang amat dikasihi dan semua pejuang Umno yang pergi terlebih dulu sudah meninggalkan kita.